



BANTUAN KHAS
COVID-19
ZAKAT PULAU PINANG



EDISI KHAS

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

ZAKAT PULAU PINANG

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



"Sumbangan ini adalah tanggungjawab ZPP dalam membantu usaha kerajaan dalam usaha mencegah penularan jangkitan wabak Covid-19"

Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang,
merangkap
Pengerusi Zakat Pulau Pinang

BANTUAN KHAS COVID-19
ZAKAT PULAU PINANG

1

BANTUAN
COVID-19
FASA 1

2

BANTUAN
COVID-19
FASA 2

3

BANTUAN
NUR
RAMADAN
1441H

4

BANTUAN
SAGUHATI
AIDILFITRI
1441H

#cegahCovid19 #dudukDiRumah #kitaJagaKita #demiAsnaf #kempenBayarOnline #bayarZakatDirumah

Amanah Ummah Dijaga. Hak Asnaf Dibela

LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH ZAKAT PULAU PINANG

DALAM MENANGANI PENULARAN JANGKITAN WABAK COVID-19

1. Mewajibkan setiap petugas kaunter **memakai topeng muka (face mask)** dan sentiasa menggunakan **hand sanitizer** ketika berurusan dengan pelanggan.
2. Mengurangkan **program** yang melibatkan interaksi dengan pihak luar.
3. Memastikan **persekitaran premis** sentiasa berada dalam keadaan bersih.
4. Menggalakkan **pembayaran zakat secara atas talian** melalui perbanking internet & perkhidmatan JomPay.



COVID-19

zakatpenang

KEMPEN BAYAR ZAKAT
ONLINE



Perkara yang boleh kita lakukan
untuk HENTIKAN penularan

COVID-19

Sebelum / Pasca / Pemberian Makanan / Malaysia

1. **Kekalkan jarak selamat**
(Sekurang-kurangnya 1 meter)
2. **Sentiasa jaga kesihatan diri & keluarga**
(Segera dapatkan rawatan sekiranya terdapat simptom)
3. **Kebersihan diri**
(Sentiasa cuci tangan dengan sabun atau gunakan sanitizer)
4. **Kuarantin diri**
(Hentikan risiko jangkitan dengan mengasingkan diri selama 14 hari)
5. **Duduk rumah**
(Jauhi tempat tumpuan orang ramai)
6. **Jangan panik, terburu-buru & bertenang**
(Jangan kongsi BERITA PALSU dan YANG BELUM DISAHKAN)

zakatpenang #cegahcovid19 #JustStayAtHome

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

Zakat Pulau Pinang (ZPP) merupakan institusi zakat di Malaysia yang paling awal telah bergerak dan mara ke hadapan dalam menyantuni rakyat yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Di Negeri Pulau Pinang sebanyak RM15.1 juta bantuan khas telah diperuntukkan daripada dana zakat oleh ZPP.

Berdepan dengan fenomena luar biasa ini, ZPP segera mengambil langkah proaktif dan responsif dalam spektrum sosioekonomi ummah untuk menjadi benteng umat Islam di Pulau Pinang. ZPP menyasarkan bantuan yang bukan sahaja efektif bahkan juga efisien. Hal ini demikian disebabkan penularan pandemik Covid-19 semakin meruncing dan memerlukan perhatian yang serius dan komprehensif. Antara perkara-perkara yang diberi perhatian oleh ZPP terhadap implementasi bantuan khas dalam tempoh yang kritikal ini adalah:

- i. Impak yang besar kepada golongan sasaran khususnya golongan asnaf dan golongan yang terjejas punca pendapatan dan kelangsungan hidup.
- ii. Efisien dalam sistem penyampaian (delivery system) bantuan ZPP supaya sampai ke golongan sasaran.
- iii. Memastikan penyaluran maklumat bantuan kepada masyarakat dengan pantas.

ZPP komited memastikan pendekatan yang inklusif dan holistik dalam usaha memulihkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Buku ini memperincikan inisiatif Bantuan Khas Covid-19 ZPP. Insya-Allah, moga perjalanan kita menuju matlamat untuk menjamin masa depan masyarakat Muslim di Pulau Pinang, diberkati, insha Allah.

Amran Hazali

**Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat Pulau Pinang**

Bantuan Khas Zakat Terkini Sepanjang Tempoh PKP Covid-19 **RM15.1 Juta**

Bantuan Khas Covid-19 Fasa 1
RM2,089,000

Bantuan Masyarakat Rohingya
RM20,000

Nur Ramadhan
RM2,158,100

Saguhati Hari Raya
RM4,079,050

Bantuan Guru-Guru Agama
dan Guru-Guru Tahfiz
RM652,000

Bantuan Bekalan Bahan Makanan
RM31,772.32

Bantuan Sara Hidup Bulanan
(Mac dan April) **RM2,629,300**

Bantuan Pembersihan Nyahkuman
Masjid/Surau **RM305,600**

Bantuan Khas Covid-19 Fasa 2
RM1,724,500

Bantuan Kecemasan Anak-
Anak Kariah
RM1,109,600

Bantuan Makanan Bulanan
(Mac dan April)
RM 328,844.65



zakatpenang



INISIATIF MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG SEWAKTU TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN EKORAN PENULARAN **COVID-19** (Kemaskini 26hb Mac 2020)



RM3,000,000 (ZPP)
**PAKEJ BANTUAN KHAS ZAKAT
COVID-19 FASA 1**
Golongan peniaga kecil &
penjaja gerai tepi jalan
RM500 Setiap ketua keluarga



RM1,000,000 (ZPP)
BANTUAN KECEMASAN
Semua kariah melalui
Pegawai Tadbir Agama (PTA)
Daerah bagi bantuan kecemasan
kepada anak kariah yang
terputus bekalan makanan.



RM305,600 (ZPP BERSAMA JHEAIPP)
**SUMBANGAN KEPADA MASJID
& SURAU**
Untuk kerja-kerja pembersihan
dan nyahkuman masjid & surau
RM500 (masjid) & RM300 (surau)



**PAKEJ BANTUAN KHAS ZAKAT
COVID-19 FASA 2 (ZPP)**
Guru-guru agama, guru-guru
tahfiz, pemandu teksi, pemandu
perkhidmatan E-hailing sepenuh
masa, pekerja-pekerja bergaji
harian sepenuh masa yang tidak
mempunyai sebarang
pendapatan ekoran PKP.



RM1,293,000 (ZPP)
**BANTUAN KEWANGAN SARA HIDUP
BULANAN**
Salurkan bantuan kepada
Penerima Bantuan Kewangan
Sara Hidup Bulanan **5 hari lebih
awal** daripada kebiasaan bagi
bulan Mac 2020



TABUNG WIRA NEGARA (MAINPP)
Diwujudkan bagi mengumpul
dana untuk membantu
menyalurkan sumbangan kepada
Barisan Hadapan Wira Negara
yang bertugas di Pulau Pinang.



PENGEUALIAN (WPP)
DUA BULAN SEWAAN PREMIS MAINPP
Pengecualian diberikan kepada
semua penyewa premis MAINPP
bagi bulan April dan Mei 2020



BANTUAN KHAS COVID-19 FASA 1

- Bantuan kepada golongan peniaga kecil dan penjaja gerai tepi jalan dengan setiap ketua keluarga diberi bantuan sebanyak RM500.00.
- Bantuan Kewangan Sara Hidup Bulanan yang dipercepatkan penyalurannya kepada asnaf fakir dan miskin.
- Bantuan Kecemasan Kariah, difokus kepada masyarakat Muslim yang terputus makanan semasa krisis.
- Sumbangan kepada masjid dan surau bagi kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman.

PERUNTUKAN
RM5.4 juta

MANFAAT
20 ribu orang
712 buah Masjid/Surau

PELAKSANAAN
23 – 31 Mac 2020





INISIATIF ZAKAT PULAU PINANG SEWAKTU TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN EKORAN PENULARAN **COVID-19**

#StayAtHome
#CegahCovid-19
#PatuhiArahanKKM

Pakej Bantuan Khas Zakat

Sasaran:

Golongan peniaga-peniaga kecil & penjaja gerai tepi jalan dan seumpamanya.

Peruntukan: **RM 3 Juta**
(RM 500.00 seorang ketua keluarga)

Sumbangan Kepada Masjid & Surau (Selain Masjid Negeri & Daerah)

Sasaran:

Untuk melakukan kerja-kerja pembersihan nyahkuman.

Peruntukan: **RM 305,600.00**
RM 500.00 (Masjid) & RM 300.00 (Surau)
(Dengan kerjasama JHEAIPP)

Bantuan Kewangan Sara Hidup Bulanan

Sasaran:

Disalurkan **5 hari** lebih awal daripada kebiasaan bagi bulan Mac 2020.

Peruntukan: **RM 1,293,300.00**
(3,673 Penerima)

AMANAH UMMAH DIJAGA, HAK ASNAF DIBELA

Bantuan Kewangan Kepada Ahli Kariah Yang Terputus Bekalan Makanan Ekoran Pelaksanaan PKP dan Penularan Wabak COVID-19

JUMLAH KESELURUHAN
RM1,033,500.00

PENERIMA
10,335 ORANG

Jumlah Pecahan Mengikut Daerah

Bukit Mertajam
RM306,500.00
(3,065 orang)

Nibong Tebal
RM89,100.00
(891 orang)

Barat Daya
RM243,700.00
(2,437 orang)

Butterworth
RM129,200.00
(1,292 orang)

Timur laut
RM131,500.00
(1,315 orang)

Kepala Batas
RM133,500.00
(1,335 orang)



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

 zakatpenang

BANTUAN KHAS COVID-19 FASA 2

- Bantuan kepada golongan seperti pekerja yang bergaji harian terutama dalam bidang industri (tidak bekerja sepanjang PKP)
- Bantuan kewangan pemandu e-hailing, pemandu teksi
- Bantuan kewangan kepada guru-guru agama dan tahfiz yang terjejas pendapatan isi rumah
- Bantuan Pakaian Perlindungan Diri (PPE) - sut perlindungan, gaun plastik, pelindung kepala dan kasut pelindung kepada *Frontliner*
- Bantuan masyarakat Rohingya

PERUNTUKAN
RM3.5 juta

MANFAAT
6 ribu orang

PELAKSANAAN
1 – 23 April 2020





BANTUAN KHAS ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP COVID-19 FASA 2

KUMPULAN SASARAN

1. Pemandu teksi **sepenuh masa**.
2. Pemandu khidmat e-hailing **sepenuh masa**.
3. Pekerja gaji harian **sepenuh masa**.



E-Hailing



*Amanah Ummah Dijaga,
Hak Asnaf Dibela*

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Beragama Islam.
2. Bermastautin di Pulau Pinang.
3. Menjalankan perkhidmatan teksi dan e-hailing **sepenuh masa** di Pulau Pinang.
4. Bekerja **sepenuh masa** dengan mendapat gaji secara harian.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

1. Salinan kad pengenalan.
2. Salinan pengesahan akaun bank.
3. Permit dan lesen PSV (pemandu teksi & e-hailing)
4. Penyata pendapatan terkini (pemandu e-hailing)
5. Pengesahan majikan (pekerja gaji harian, sekiranya ada)

PANDUAN PEMOHON

Borang Permohonan HANYA boleh diperolehi daripada Laman Web Rasmi Zakat Pulau Pinang bermula **1 APRIL - 5 APRIL 2020**

(www.zakatpenang.com)

Bantuan Khas Kepada Guru Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Guru Tahfiz dan Guru Pondok Ekoran Pelaksanaan PKP dan **Penularan Wabak COVID-19**

**JUMLAH KESELURUHAN
RM398,000.00**

**PENERIMA
796 ORANG**

**Institusi Tahfiz
RM141,000.00
(282 orang)**

**Institusi Pondok
RM26,500.00
(53 orang)**

**SMAR
RM73,500.00
(147 orang)**

**SRAR
RM157,000.00
(314 orang)**



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

zakatpenang

BANTUAN NUR RAMADAN DAN SAGUHATI HARI RAYA AIDILFITRI

- Bantuan disasarkan kepada asnaf fakir dan miskin.
- Bantuan Nur Ramadan sebanyak RM700.00 kepada ketua keluarga yang layak.
- Bantuan Saguhati Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM450.00 kepada isi rumah yang layak.

PERUNTUKAN
RM6.2 juta

MANFAAT
8 ribu orang

PELAKSANAAN
24 April – 24 Mei 2020

MAKLUMAN BANTUAN NUR RAMADAN 1441H / 2020M ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Bantuan Nur Ramadan merupakan salah satu skim bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang bertujuan untuk membantu dan meringankan beban golongan fakir dan miskin tegar serta memberikan kegembiraan sempena menyambut kedatangan

Bulan Ramadan Al-Mubarak

Bantuan Nur Ramadan (Kump. 1)

(Penerima Bantuan Kewangan Sara Hidup & Bantuan Makanan)

Dikreditkan ke akaun penerima dengan amaun **RM700.00** bagi sebuah keluarga

3,148 Penerima

RM 2,203,600.00

Bantuan Nur Ramadan (Kump. 2)

(Terdiri daripada golongan asnaf miskin yang diserahkan melalui permohonan yang dibuat oleh beberapa pihak yang bekerjasama dengan ZPP)

Pindahan wang ke akaun penerima akan dibuat dengan nilai bantuan sebanyak **RM 65.00** iaitu sama dengan nilai barangan makanan asas yang diberikan pada tahun-tahun sebelum ini

RM 1,200,000.00

Penerima Bantuan Bulanan

(Bantuan Kewangan Sara Hidup & Bantuan Makanan)

Bantuan disalurkan **5 hari lebih awal** kepada semua penerima iaitu bermula **23 April 2020**

RM 1,335,050.00

Bukan itu sahaja, pada pertengahan Ramadan ini juga lebih daripada **9,000** asnaf fakir dan miskin akan menerima manfaat **Bantuan Hari Raya** yang melibatkan anggaran perbelanjaan sebanyak **RM 4,079,050.00.**

Maka dengan itu, jumlah keseluruhan agihan bagi skim bantuan yang dinyatakan sepanjang Bulan Ramadan adalah sebanyak **RM 8,817,700.00.**

' Zakat Pembina Ukhuwwah, Pengukuh Khaira Ummah'
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



COVID-19, ZPP agih RM 15 juta

PANDEMIK COVID-19 yang melanda tanah air ini termasuk Pulau Pinang telah menggamit pelbagai pihak, baik Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri untuk membela semua sektor rakyat yang terjejas dek pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Zakat Pulau Pinang (ZPP) sebagai milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) turut tidak ketinggalan membantu umat Islam yang terjejas daripada segi pendapatan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ZPP, **AMRAN HAZALI** memberitahu bahawa Fasa Satu, jumlah asnaf yang dibantu meningkat hampir sekali ganda, kira-kira 20,000 orang berbanding 10,000 bagi tempoh sama pada tahun 2019.

Menurut beliau, melalui Timbalan Ketua Menteri I merangkap Yang di-Pertua MAINPP, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mengumumkan Pakej Bantuan Khas Zakat, berbanding negeri-negeri lain.

"18 Mac, PKP diumumkan, 19 Mac kita (ZPP) dah umumkan pakej bantuan khas zakat.

"Pada ketika itu, Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mengumumkan pakej bantuan khas zakat.

"Jadi, semua perbelanjaan ZPP sehingga bulan Mei ini adalah melibatkan hampir RM15 juta kepada penduduk Pulau Pinang dalam kalangan orang Islam yang terkesan, ekoran pandemik COVID-19 ini.

"Jumlah yang dibelanjakan ZPP ini boleh dikatakan besar berbanding institusi seumpamanya di negeri-negeri lain," jelasnya ketika dibicarakan oleh wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Ibu Pejabat ZPP dekat Bandar Perda, Seberang Jaya baru-baru ini.

Menurut Amran, Pakej Bantuan Khas Zakat adalah terdiri daripada dua fasa - Fasa Satu dan Fasa Dua.

RM500 Kepada Penjaja Kecil, Peniaga Tepi Jalan, Pemandu E-Panggilan, Pemandu Teksi, Rakyat Makan Gaji Harian

Beliau memberitahu bahawa Fasa Satu adalah melibatkan peruntukan sebanyak RM3 juta, dengan jangkaan 6,000 penjaja kecil serta peniaga tepi jalan sama ada berlesen atau tidak berlesen akan mendapat manfaat dalam bentuk insentif kewangan langsung ke akaun bank masing-masing.

"Ketika pelaksanaan Fasa Satu ini, sambutan begitu menggalakkan sehingga sistem permohonan secara dalam talian yang ZPP sediakan hampir tergendala.

"Sebab, ketika PKP ini, ZPP menyediakan sistem permohonan dalam talian secara sepenuhnya, dengan segala dokumen serta bukti perlu diimbas dan dimuat naik dalam pengkalan data permohonan ZPP.

"Ketika PKP ini juga, ZPP sedaya-upaya mengurangkan karenah birokrasi, serta lebih bersikap fleksibel, tempoh memproses permohonan pun dipercepatkan, meliputi mereka yang ada lesen niaga ataupun tidak.

"Selepas seminggu dibuka permohonan ini, rupanya jumlah pemohon yang layak adalah lebih daripada jangkaan awam ZPP.

"ZPP mendapati bahawa masih ada lagi golongan yang terjejas ketika pelaksanaan PKP, seperti pemandu kenderaan e-panggilan, pemandu teksi dan pekerja-pekerja yang makan gaji harian.

"Tiga golongan ini adalah antara kelompok yang terjejas teruk ketika PKP tetapi tercicir daripada mendapat manfaat melalui fasa pertama Pakej Bantuan Khas Zakat.

"Dalam Fasa Satu, wang sejumlah RM500 disalurkan secara langsung dalam akaun bank pemohon manakala Fasa Dua Pakej Bantuan Khas Zakat juga adalah seperti fasa satu," jelasnya sambil memberitahu ZPP ada tanggungjawab yang begitu signifikan untuk bersama-sama Kerajaan Negeri dalam membantu orang Islam yang terjejas dek COVID-19 di Pulau Pinang.



AMRAN Hazali (kanan sekali) bersama-sama Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) pada salah satu majlis sidang media yang diadakan baru-baru ini.

RM300,000 Untuk Kerja Nyah Kuman Di Masjid Dan Surau

Selain itu, Amran menyatakan bahawa ZPP turut mengagihkan RM500 untuk inisiatif nyah kuman di semua masjid dekat negeri ini, selain RM300 untuk tiap-tiap surau yang berdaftar di bawah MAINPP.

"Kerja nyah kuman ini adalah meliputi semua masjid di Pulau Pinang kerana jawatankuasa kariah masjid dan surau memang memerlukan dana berkaitan.

"ZPP sekadar membantu meringankan beban kewangan dengan memberi RM500 untuk masjid dan RM300 untuk surau, iaitu dengan mengambil kira Kerajaan Negeri juga ada menyalurkan bantuan hampir sama untuk pihak-pihak yang terlibat," ujarnya.

RM652,000 Atau RM500 Seorang Kepada 'Asatizah', Guru Agama, Guru Takmir

Mengulas lanjut, Amran berkata bahawa Fasa Dua Pakej Bantuan Khas Zakat dilaksanakan kira-kira seminggu selepas pelaksanaan Fasa Satu, dengan memperluaskan lagi bantuan kepada kelompok umat Islam lain yang terjejas ketika PKP.

"Ketika Fasa Dua ini juga, ZPP turut membantu daripada segi insentif kewangan kepada para Ustaz dan Ustazah serta guru-guru agama, guru-guru takmir yang mengajar di masjid dan surau asalkan mereka berdaftar dengan MAINPP, dengan perbelanjaan sebanyak RM652,000 atau RM500 seorang.

"Untuk Fasa Satu Pakej Bantuan Khas Zakat, ZPP telah membelanjakan hampir RM2.1 juta, manakala kira-kira RM1.72 juta lagi dibelanjakan untuk Fasa Dua.

"Jadi, ZPP setakat ini dah belanja hampir RM4 juta walaupun peruntukan kira-kira RM6 juta," ulasnya.

RM1.11 Juta Bantuan Kecemasan Anak-Anak Kariah

Tidak cukup dengan itu, ketika pelaksanaan Fasa Dua, menurut Amran, ZPP meminta Jawatankuasa Kariah Masjid supaya mengemukakan nama-nama anak kariah yang mengalami kehidupan kritikal akibat pandemik COVID-19 berkenaan.

"ZPP menyalurkan bantuan sebanyak RM100 untuk satu keluarga," katanya.

RM31,800 Pek Bantuan Makanan Asasi

Selain RM100 Bantuan Kecemasan Anak-Anak Kariah, tambah Amran, ZPP turut membuka talian khas untuk mendapatkan pelaporan masyarakat Islam yang terjejas daripada segi barang-barang keperluan dapur.

"Setiap hari, ZPP menghantar pek bekalan makanan asasi kepada keluarga yang terjejas dengan perbelanjaan sebanyak RM31,800, semuanya dibekalkan oleh Zakat Mart.

"Selain itu, ZPP turut menyalurkan bantuan kepada masyarakat Rohingya melalui tiga badan bukan kerajaan (NGO) yang dikenal pasti, dengan perbelanjaan kira-kira RM30,000 atau RM50 untuk 600 keluarga," jelasnya.

Bantuan Sara Hidup Bulanan Asnaf Dipercepatkan

Di samping itu, Amran memberitahu bahawa ZPP turut mempercepatkan Bantuan Sara Hidup Bulanan Fakir Miskin yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM2.63 juta.

"(Turut dipercepatkan,) RM300,030 bantuan bekalan makanan bulanan yang boleh dituntut (oleh asnaf) di 33 kedai terpilih dengan menggunakan kad pengenalan sahaja," ujarnya sambil menyatakan bahawa kehidupan sesetengah masyarakat Islam ketika menghadapi COVID-19 adalah kian mencabar terutamanya semasa menempuhi bulan Ramadan.

RM2.16 Juta Untuk Nur Ramadan, RM4.08 Juta Saguhati Aidilfitri

Oleh itu, ulas Amran, ZPP melalui program Nur Ramadan, menyumbangkan RM700 setiap keluarga dengan melibatkan peruntukan kepada 3,148 pihak iaitu perbelanjaan sebanyak RM2.16 juta.

"Itu, belum termasuk Saguhati Raya dengan perbelanjaan RM4.08 juta yang melibatkan 9,000 keluarga.

"Jadi, semua perbelanjaan ZPP sehingga bulan Mei ini adalah melibatkan hampir RM15 juta kepada penduduk Pulau Pinang dalam kalangan orang Islam yang terkesan ekoran pandemik COVID-19 ini," katanya.

Tambah Amran, ZPP melalui Bengkel Jahitan Asnaf

(Sambungan di muka 9).

(Sambungan dari muka 8).

kurang beban golongan terkesan

dekat Tasek Gelugor turut mengambil bahagian menyediakan peralatan perlindungan diri (PPE) untuk barisan utama di hospital-hospital kerajaan di negeri ini.

"Sebelum ini, beberapa pusat jahitan ini pernah beroperasi menjahit pakaian-pakaian sekolah untuk ZPP agih kepada anak-anak daripada keluarga asnaf.

"Apabila COVID-19 berlaku, kita tukar operasi pusat jahitan kita, untuk bantu menjahit PPE untuk hospital-hospital," katanya.

Persediaan ZPP Ketika PKPP

Pada 7 Jun lepas, Perdana Menteri mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu mulai 10 Jun hingga 31 Ogos depan.

Sementara menunggu pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang berikutnya, Amran turut berkongsi mengenai proses persediaan ZPP sendiri dalam menyediakan Fasa Tiga Pakej Bantuan Khas Zakat.

Beliau menyatakan bahawa Pakej Ketiga yang bakal diumumkan oleh Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat kemungkinan meliputi segala kekangan kewangan didepani ZPP, selain realiti masyarakat Islam yang terus terjejas dalam tempoh PKPP ini.

"Jumlah keseluruhan hampir RM15 juta yang dibelanjakan ZPP setakat ini boleh dikatakan besar berbanding institusi seumpamanya di negeri-negeri lain.

"Perbelanjaan yang besar ini bukan disebabkan kutipan zakat di Pulau Pinang ini adalah yang tertinggi, tetapi disebabkan ZPP merasakan memang wajar membantu masyarakat Islam yang terjejas.

"Inipun, ZPP sedang membuat persiapan untuk membantu masyarakat Islam pasca PKPB (Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat sehingga 9 Jun 2020) dengan mengambil kira realiti orang Islam yang ada dibuang kerja, yang dijangka selepas Aidilfitri sekarang.

"Jadi, ZPP akan berbelanja lagi untuk tempoh pasca PKPP ini, sebab banyak hotel yang melibatkan pekerja-pekerja Islam dikatakan akan tutup operasi.

"Itu, belum ambil mereka orang Islam yang diberhentikan kerja di kilang-kilang serta pekerja-pekerja swasta lain.

"Mereka, memang berpendapatan tetap secara bulanan, tetapi apabila ekonomi merosot, ada yang terpaksa diberhentikan kerja.

"Maka, ZPP berasa terpanggil untuk membantu dalam mengurangkan beban mereka, bantuan mungkin dalam satu dua bulan sebelum mereka dapat memperbaiki kedudukan sumber pendapatan isu rumah mereka," ulasnya lagi.

COVID-19 'Sangat Di Luar Jangkaan Semua Pihak'

Amran berulang-ulang kali memberitahu mesej yang sama, iaitu pandemik COVID-19 ini adalah 'sangat di luar jangka semua pihak', baik Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri hatta ZPP sendiri.

"Alhamdulillah, setiap

tahun sumber kutipan zakat kita diagihkan sehingga 90 peratus, biasanya 10 peratus itu kita tak akan dapat agihkan dalam tahun yang sama.

"Contoh, jumlah keseluruhan kutipan zakat fitrah dan zakat perniagaan untuk tahun 2019 adalah RM121 juta, yang telah diagihkan RM111 juta. Baki RM10 juta lagi ZPP bawa ke tahun 2020.

"Dengan lebih baki RM10 juta ini, juga lebih duit rizab ZPP lain yang dikumpulkan sebelum ini digunakan untuk melaksanakan Pakej Bantuan Khas Zakat ini," katanya.

Menyedari segala kekangan dalam bentuk sumber kutipan zakat yang dijangka merosot akibat COVID-19, Amran berkata bahawa ZPP akan berusaha sebaik mungkin untuk mengagihkan sumber kutipan semasa yang ada untuk membela masyarakat Islam yang terjejas.

"Mendepani pandemik COVID-19 ini, ZPP menjangkakan jumlah agihan akan meningkat secara mendadak.

"Ini, berdasarkan data suku tahun kedua ini (Q2 2020), jumlah asnaf meningkat sekali ganda berbanding kadar peningkatan tahunan semasa biasa.

"Sehingga kini, ZPP telah membantu hampir 20,000 asnaf berbanding tempoh yang sama (Januari hingga Jun 2019) hanya 20,000 sahaja.

"Aspek kutipan zakat pula, sehingga bulan April 2020, jumlah angka merosot sebanyak RM5.1 juta berbanding tempoh sama pada tahun 2019.

"Maksudnya, ketika pandemik COVID-19 ini membayangkan bahawa bilangan masyarakat Islam tidak ada duit nak bayar zakat semakin bertambah, pada masa yang sama jumlah pemohon bantuan khas zakat akan meningkat," ujarnya.

ZPP Optimis Demi Membantu Umat Islam Pulau Pinang

Dalam pada itu, Amran sangat optimis ZPP mampu memainkan peranan lebih penting untuk membela masyarakat Islam yang terjejas dek pandemik COVID-19, kalau melihat kepada kepercayaan para pembayar fitrah serta pembayar zakat perniagaan yang begitu tinggi pada 'institusi umat Islam

negeri Pulau Pinang' tersebut.

"Jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM5.06 juta, tahun 2020, kita jangka akan merosot melibatkan kira-kira 700 pembayar, dengan satu kadar sahaja RM7.

"Namun, dengan dua kadar iaitu RM7 dan RM16, tanpa ambil kira impak pandemik COVID-19 ini, mungkin juga jumlah kutipan zakat fitrah akan meningkat.

"Apabila berlaku pandemik COVID-19, kalau ZPP berjaya mengutip zakat fitrah sebanyak yang berjaya dikutip pada tahun 2019 pun, itu sudah 'besar rahmat'.

"Sebab itu, kita galakkan pembayar zakat fitrah ataupun zakat perniagaan membuat pembayaran secara dalam talian, kerana ZPP nak patuhi prosedur operasi standard (SOP) PKP seperti jarak sosial dan sebagainya.

"ZPP optimis lagi kerana masih ada syarikat-syarikat perniagaan yang tidak dapat membayar zakat perniagaan kerana mempunyai kekangan masing-masing, termasuk hal aliran tunai, ketika menghadapi COVID-19 ini, pasca pandemik nanti akan menyerahkan zakat perniagaan mereka kepada ZPP.

"ZPP yakin selepas PKPB ini, apabila operasi perniagaan mereka kembali seperti biasa, banyak syarikat akan tampil membayar zakat perniagaan mereka," katanya.

Kesimpulan

Justeru, Amran memberitahu bahawa pasca COVID-19 ini, ZPP harap kedudukan kewangan iaitu hasil kutipan zakat semasa akan pulih kembali.

"Kita tiada sumber lain, zakat yang kita kutip ini merupakan satu-satunya sumber yang kita ada untuk diagihkan kembali demi membantu orang-orang Islam.

"Namun, pada masa sama, kita (ZPP) tidak boleh elak adalah jumlah agihan zakat pada tahun ini dijangka akan meningkat berlipat kali ganda juga kerana ramai lagi orang Islam mesti dibantu, selain impak berantainya daripada pandemik COVID-19 masih menjejaskan para peneroka Pakej Bantuan Khas Zakat ZPP," jelasnya mengakhiri sesi wawancara berkaitan.





RM3 juta bantu peniaga kecil, penjaja terjejas: Zakat Pulau Pinang

MOHD ISKANDAR OTHMAN | 19 Mac 2020



Ahmad Zakiyuddin (dua dari kanan) pada sidang media yang diadakan di Ibu Pejabat ZPP sebentar tadi

BUKIT MERTAJAM - Zakat Pulau Pinang memperuntukan RM3 juta untuk membantu peniaga kecil dan penjaja dari kalangan asnaf fakir dan miskin yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan berikutan penularan koronavirus (Covid-19).

Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, bantuan khas yang disediakan ini bagi meringankan beban golongan berkenaan yang berdepan masalah kehilangan punca pendapatan disebabkan perintah kawalan berkenaan.

Beliau yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang berkata, bantuan khas ini menyasarkan peniaga dan penjaja gerai makanan serta minuman di pasar malam, pasar tani, di tepi jalan dan blok perumahan.

"Peniaga pakaian (bukan butik) dan barang keperluan dapur serta tukang gunting rambut kecilan turut layak menerima bantuan ini. Namun, peniaga pasar basah dan pasar pagi tidak termasuk untuk skim bantuan ini.

"Mereka boleh membuat permohonan ini secara atas talian melalui laman web ZPP iaitu www.zakatpenang.com dan perlu mengemukakan semua dokumen yang diperlukan," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat ZPP di Bandar Perda di sini hari ini.

Ahmad Zakiyuddin berkata, pemohon yang ingin mendapatkan bantuan tersebut mestilah peniaga sepenuh masa dan berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan selain tidak mempunyai simpanan melebihi RM5,000.

Katanya, mereka yang layak akan menerima bantuan sebanyak RM500 dan ZPP menggunakan peruntukan asnaf Tawaqquf, miskin bagi menyalurkan bantuan ini kepada penerima.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin berkata, ZPP turut menyalurkan bantuan sebanyak RM306,500 kepada lebih 700 buah masjid dan surau di negeri ini bagi tujuan pembersihan dan nyahkuman untuk mencegah penularan Covid-19.



Bantuan sara hidup ZPP dibayar esok

MOHD ISKANDAR OTHMAN | 22 Mac 2020

BUKIT MERTA JAM - Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan menyalurkan bantuan kewangan sara hidup bulanan kepada 3,673 penerima esok.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amran Hazali berkata, ZPP memahami keadaan sukar yang sedang dihadapi penerima sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 31 Mac depan.

Menurutnya, pembayaran itu dibuat awal bagi memastikan kebajikan golongan asnaf terbelah.



Amran Hazali

"Bantuan sara hidup ini dibayar lima hari lebih awal daripada biasa kepada penerima dan ia melibatkan peruntukan sebanyak RM1.29 juta.

"Penerima bantuan kewangan sara hidup bulanan boleh mula memanfaatkan bantuan yang disalurkan selepas jam 11 pagi esok," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



Anak kariah boleh mohon bantuan jika terputus bekalan makanan-ZPP

MOHD ISKANDAR OTHMAN || 25 Mac 2020

BUKIT MERTAJAM - Anak kariah yang terputus bekalan makanan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuat kuasa kerajaan boleh mendapatkan bantuan kecemasan daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amran Hazali berkata, ZPP akan menyalurkan bantuan itu kepada ahli kariah bagi membolehkan mereka mendapatkan bekalan makanan sewaktu tempoh PKP yang dilanjutkan sehingga 14 April depan.

Menurutnya, bantuan ini hanya akan disalurkan kepada masjid-masjid kariah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh Pegawai Tadbir Agama di daerah masing-masing tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

"Antara syarat yang ditetapkan ialah pemohon mestilah warga Malaysia, bermastautin di Pulau Pinang selain tidak mempunyai sebarang pendapatan serta simpanan dalam tempoh PKP.

"Bantuan ini hanya akan diberikan kepada mereka yang benar-benar terputus bekalan dan tidak menerima bantuan lain daripada ZPP," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini.

Amran berkata, mereka yang ingin mendapatkan bantuan ini perlu mengemukakan permohonan kepada pihak kariah masjid sebelum proses selanjutnya.

Katanya, ZPP akan mempertimbangkan permohonan berkenaan dan wang bantuan akan disalurkan kepada masjid untuk membeli barangan keperluan asas sebelum diagihkan kepada anak kariah yang memerlukan.

Tambahnya, untuk bantuan khas ini ZPP memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi membantu mereka yang memerlukan dan setiap keluarga yang memohon akan mendapat bantuan barangan keperluan asas berjumlah RM100.

Sebelum ini Sinar Harian melaporkan ZPP memperuntukkan RM3 juta untuk membantu peniaga kecil dan penjaja dari kalangan asnaf dan miskin yang terjejas akibat PKP.

Selain itu, ZPP turut menyalurkan bantuan sebanyak RM306,500 kepada lebih 700 buah masjid dan surau di negeri ini bagi tujuan pembersihan dan nyahkuman untuk mencegah penularan coronavirus (Covid-19).



ZPP bantu guru agama, pemandu e-hailing, pekerja gaji harian

MOHD ISKANDAR OTHMAN || 26 Mac 2020



BUKIT MERTA JAM - Zakat Pulau Pinang (ZPP) akan membantu guru agama, guru tahfiz dan pemandu e-hailing, pekerja gaji harian sepenuh masa yang terjejas akibat penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran penularan coronavirus (Covid-19).

Pengerusinya yang juga Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, bagi pakej bantuan khas fasa kedua yang dilakukan susulan PKP yang dilanjutkan sehingga 14 April depan.

"Seramai 800 orang guru agama dan guru tahfiz akan menerima bantuan sebanyak RM500 sama seperti bantuan khas fasa pertama yang diumumkan sebelum ini.



COVID-19: MAINPP umum inisiatif bantuan

Oleh Zuhainy Zulkiffli

bhnews@bh.com.my

GEORGETOWN: Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hari ini mengumumkan beberapa inisiatif bantuan kepada umat Islam negeri ini yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Ketua Menteri 1 yang juga Yang Dipertua MAINPP Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, berkata antara inisiatif itu ialah memberi pengecualian selama dua bulan sewaan premis MAINPP bagi bulan April dan Mei.

Katanya, Tabung Wira Negara-MAINPP juga diwujudkan bagi membantu menyalurkan sumbangan kepada barisan hadapan yang bertugas di Pulau Pinang.

“Bantuan itu akan disalurkan kepada pasukan perkhidmatan kesihatan, keselamatan seperti polis dan tentera bagi membeli keperluan peralatan dan juga bekalan makanan.

“Buat permulaan MAINPP akan menyalurkan dana sebanyak RM50,000 menggunakan hasil dana wakaf dan bagi pihak korporat dan individu, boleh menyalurkan sumbangan mereka ke Tabung Wira Negara - MAINPP, akaun Bank Islam bernombor 07025010036936,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, MAINPP menerusi Zakat Pulau Pinang (ZPP) juga memperuntukkan sebanyak RM1 juta bantuan kecemasan kepada anak kariahnya yang terputus bekalan makanan sepanjang tempoh PKP dan boleh merujuk kepada Pegawai Tadbir Agama (PTA) daerah masing-masing.

Katanya, wang bantuan kecemasan sebanyak RM100 bagi setiap keluarga itu akan disalurkan ke dalam akaun bank masjid kariah dan kaedah bantuan adalah sama ada membelikan barangan makanan atau secara tunai diserahkan kepada yang berhak.

“Bagi pakej bantuan khas zakat fasa kedua pula, ZPP akan memberi tumpuan kepada beberapa kumpulan lain dengan jumlah yang sama seperti bantuan khas zakat fasa pertama.

“Golongan yang dimaksudkan adalah seperti guru sekolah agama rakyat, guru tahfiz, pemandu teksi dan pemandu perkhidmatan e-hailing sepenuh masa dan pekerja bergaji harian sepenuh masa yang tidak dapat bekerja ekoran PKP,” katanya lagi.

MAINPP juga katanya, sedang mempertimbangkan beberapa cadangan lain bagi membantu kelompok masyarakat yang terjejas dengan PKP ini dan akan memaklumkan perkembangan dari masa ke semasa bagi membantu umat Islam di negeri ini yang terkesan.



Kira-kira 2,000 mohon bantuan Zakat Pulau Pinang

ZAKAT Pulau Pinang (ZPP) sehingga kini sudah menerima kira-kira 2,000 permohonan daripada penduduk negeri itu bagi mendapatkan sumbangan zakat.

Pemohon berkenaan membabitkan golongan yang terkesan dan tiada pendapatan tetap sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang yang juga Pengerusi ZPP, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman berkata, sehubungan itu, ZPP akan segera mengagihkan bantuan kewangan kepada mereka yang keputusan bekalan makanan sepanjang tempoh itu.

Namun, katanya, bantuan itu hanya akan disalurkan kepada masjid kariah menerusi maklumat yang diberikan Pegawai Tadbir Agama (PTA) daerah masing-masing dengan syarat yang ditetapkan.

“Pemohon mestilah warga Malaysia dan tidak mempunyai pendapatan tetap sepanjang tempoh PKP.

“Pemohon juga mesti sudah bermastautin di Pulau Pinang selama empat bulan ke atas selain bukan dalam kalangan penerima bantuan kewangan atau makanan bulanan ZPP,” katanya dihubungi, hari ini.

Ahmad Zakiyuddin turut mengingatkan pemohon bahawa bantuan itu hanya diberi kepada golongan yang benar-benar keputusan bekalan dan tidak menerima bantuan lain daripada ZPP.

Berikutan tempoh PKP, pemohon boleh mengirim maklumat keterangan diri ke mahroos@zakatpenang.com atau rosdan@zakatpenang.com sebelum 27 Mac ini.

Antara maklumat yang diperlukan ialah nama ketua keluarga, nombor kad pengenalan pemohon, alamat terkini, nombor telefon, tempoh menetap di Pulau Pinang, status perkahwinan dan bilangan tanggungan.

Terdahulu, ZPP turut mengumumkan peruntukan RM4 juta bagi membantu golongan asnaf di negeri ini dan pakej berkenaan ialah bantuan khas zakat berjumlah RM3 juta bagi peniaga kecil, gerai tepi jalan dan seumpamanya dengan agihan RM500 bagi setiap ketua keluarga.

Kedua, sumbangan RM305,600 iaitu RM500 bagi setiap masjid dan RM300 setiap surau bagi kerja pembersihan dan penyahkuman.

Manakala pakej ketiga ialah bantuan sara hidup bulanan yang diberi awal lima hari kepada 3,673 penerima di Pulau Pinang.

Ahmad Zakiyuddin berkata, bantuan sara hidup bulanan juga sudah diagihkan pada 23 Mac lalu dan jika masih ada penerima yang tercicir, mereka boleh menghubungi PTA terdekat.

“ZPP juga sedang mempertimbangkan bantuan kepada golongan kumpulan sasaran lain yang terkesan sepanjang tempoh ini termasuk mereka yang diberhentikan kerja berikutan majikan mufliis,” katanya.



>> BERITA > NASIONAL >

Paradigma bantuan khas Covid-19 ZPP

WARTAWAN SINAR HARIAN | 4 Mei 2020

“ Zakat Pembina Ukhuwah, Pengukuh Khaira Ummah ”



Paradigma Bantuan Khas Covid-19 Zakat Pulau Pinang

Kerajaan telah melancarkan tiga pakej rangsangan ekonomi bagi menangani kewujudan dan kesan kemeseletan ekonomi akibat pandemik koronavirus (Covid-19). Institusi zakat merupakan badan paling awal telah bergerak dan mara ke hadapan dalam membantu negara menyantuni rakyat yang terjejas akibat wabak maut itu.

Setakat ini, hampir RM200 juta bantuan zakat disalurkan kepada asnaf dan golongan yang terkesan dengan wabak Covid-19 oleh institusi-institusi zakat negeri di seluruh negara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di Pulau Pinang, sebanyak RM19 juta bantuan khas telah diponduktikan daripada dana zakat oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

ZPP turut mengambil langkah proaktif dan responsif dengan menyediakan empat pakej Bantuan Khas Covid-19 Fasa 1 yang berjumlah RM6 juta iaitu:

- 1** Bantuan untuk peniaga kecil dan penaja gerai tepi jalan iaitu setiap ketua keluarga diberi bantuan sebanyak RM500.
- 2** Bantuan Kewangan Sara Hidup Bulanan yang dipercepatkan penyalurannya kepada asnaf fakir dan miskin.
- 3** Bantuan Kecemasan Kariah difokus kepada masyarakat Muslim yang terputus makanan semasa krisis.
- 4** Sumbangan kepada masjid dan surau di Pulau Pinang yang berjumlah lebih 700 buah bagi kerja-kerja pembersihan dan nyahkuman.

Hampir keseluruhan permohonan bantuan ini dijana melalui online dan sebahagiannya disalurkan melalui masjid yang menjadi one stop centre. Kira-kira 20,000 masyarakat Muslim di Pulau Pinang menerima bantuan fasa 1.

Pakej Bantuan Khas Covid-19 ZPP Fasa 2 pula diwujudkan untuk membantu kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan agensi-agensi berkaitan merancang pengawalan kesen ekonomi dalam bentuk jaminan sosioekonomi khususnya kepada masyarakat Muslim.

Sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan melalui agihan dana zakat kepada golongan sasar seperti pekerja yang bergaji harian terutama dalam bidang industri (tidak bekerja sepanjang PKP), pemandu e-hailing, pemandu teksi dan guru-guru agama dan tahfiz yang terjejas pendapatan isi rumah.

ZPP turut menyediakan keperluan pasukan barisan hadapan di Pulau Pinang

Krisis penularan pandemik Covid-19 telah mengakibatkan gangguan kesenjangan (ketidakseimbangan) ekonomi apabila ada rakyat yang hilang pendapatan, hilang pekerjaan, perniagaan merosot sekali gus mengagawatkan kestabilan ekonomi isi rumah.

dalam bentuk Pakaian Perlindungan Diri (PPE) iaitu sut perlindungan, gsun plastik, pelindung kepele dan kasut pelindung yang berjumlah RM20,000 kepada pasukan petugas kesihatan.

Menariknya sut PPE ini dijahit oleh asnaf-asnaf yang terlibat dengan program Keusahawanan Gerak Jajitan Asnaf yang dibiayai sepenuhnya oleh ZPP.

Bantuan Nur Ramadan

Sempena Ramadan, ZPP juga responsif dalam menyantuni golongan asnaf untuk mengharungi situasi getik. Peruntukan sebanyak RM5.9 juta diagihkan melalui bantuan Nur Ramadan kepada golongan fakir dan miskin yang dianggarkan hampir 8,000 orang. Bantuan sughathi raya turut disediakan untuk menyambut Syawal dengan peruntukan sebanyak RM4 juta.

Pakej Bantuan Khas Covid-19 ZPP ini didorong oleh tiga objektif untuk mencapai keseimbangan dan keadilan bagi merealisasikan pakej bantuan yang diagihkan menepati maqasid al-syariah, iaitu:

- 1** Melindungi masyarakat Muslim.
- 2** Menyokong jaminan ekonomi isi rumah.
- 3** Mengukuhkan jaminan sosioekonomi ummah.

Ketiga-tiga objektif ini direalisasikan melalui lima pendekatan Bantuan Khas Covid-19 ZPP di Pulau Pinang.

- 1** Pendekatan bantuan yang pantas Pengagihan dana zakat mestilah pantas kesan yang ditinggalkan oleh Covid-19. Justeru, hampir keseluruhan permohonan bantuan ekonomi dan kebajikan ZPP dijana melalui platform digital dan sebahagiannya disalurkan melalui pihak kariah masjid bagi urusan agihan bantuan zakat dengan kadar yang segera. Kesiapsiagaan dari segi teknologi dan perkhidmatan digital untuk memudahkan urusan bantuan

diagihkan merupakan strategi pendigitalan zakat dalam Pelan Tindakan Strategik ZPP 2020.

- 2** Pendekatan bantuan yang berkesan Keberkesanan bermaksud setiap dana yang diagihkan patut membawa kepada suatu peningkatan jaminan kelangsungan hidup yang berterusan. Justeru, terdapat lima bantuan sara hidup segera dilancarkan.
- 3** Pendekatan bantuan yang adil Rakyat Pulau Pinang terutama dalam lingkungan asnaf sedia ada dan prospek asnaf baru (kumpulan B40) adalah golongan yang menanggung kesan akibat Covid-19 ini.

Atas faktor keadilan dan mengelak daripada bantuan tidak sampai ke sasaran, ZPP bergandeng bahu dengan Kerajaan Negeri, Jabatan Islam Pulau Pinang dan pihak kariah masjid bagi mengenal pasti, membuat trijulasi dan menentusahkan data penerima yang layak melalui data-data yang ada di setiap agensi yang bekerjasama.

- 4** Pendekatan bantuan menangani tuntutan jangka pendek. Semasa krisis berlaku, kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri menjangkakan peratusan yang besar berkaitan impak kehilangan sumber pendapatan terutama dalam kalangan penaja dan peniaga kecil. Jadi, sebahagian besar bantuan yang diberikan difokus kepada golongan yang terjejas sumber pendapatan terutama dalam tempoh PKP.

- 5** Pendekatan bantuan menangani impak pasca krisis. Seldranya trend kehilangan sumber pendapatan dalam sesuatu bidang berlaku dalam jangka tempoh yang panjang dan kritikal, pakej bantuan dihalakan ke arah penyediaan jati diri dan keutuhan agama serta kembali membina persekitaran ekonomi yang lebih mampan untuk keluarga dan masyarakat.

Bantuan Khas Covid-19 ZPP membolehkan golongan berkesan membina semula atau kembali berdaya, bukan sahaja ketika penularan Covid-19, tetapi juga pasca pandemik ini.

Platform digital untuk bayar zakat

Berdepan dengan fenomena luar biasa ini, ZPP akan sentiasa mengambil langkah proaktif secara konkrit dan komprehensif untuk meningkatkan kesupayaan diri masyarakat Muslim di Pulau Pinang berdepan dengan realiti baharu yang lebih mencabar.

Justeru, dalam kesibukan memastikan aspek agihan zakat terus dioptimumkan sepanjang krisis pandemik Covid-19 ini, ZPP juga terus memikirkan bagaimana untuk meningkatkan prestasi kutipan zakat semasa.

Keterbatasan para amil bergerak menyebabkan ZPP mengambil inisiatif menawarkan perkhidmatan kutipan zakat secara digital, dengan memaksimumkan pembayaran zakat secara atas talian. Peralihan kepada platform digital ini merangkumi semua pembayaran zakat termasuk zakat fitrah.

Cakna masyarakat terhadap zakat sebagai instrumen pengagihan dana bantuan yang efisien perlu dipertingkatkan lebih-lebih lagi selepas pasca krisis Covid-19. Kesedaran bahawa zakat menjadi agen pengagihan semula sebagai polisi fiskal bersifat tauhid berasaskan kelebihan daripada kokaysan mampu memotivasikan masyarakat untuk bekerja lebih kuat untuk mencipta kehidupan baharu yang lebih diredai.

Melalui dana zakat yang dikutip, ZPP dapat memimpin keseimbangan sosioekonomi dan menjamin keselamatan sosial masyarakat Muslim di Pulau Pinang yang agar lebih bertanggungjawab dan berkeyakinan mengharungi krisis dengan menepati kehendak agama.



DR. WAFDI AUNI MOHAMED
PEGAWAI KHAS KEPADA
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

SIARAN LANGSUNG DI MEDIA - BANTUAN KHAS COVID-19 ZPP

FB LIVE

BERSAMA YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN (YDP MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG)

INISIATIF MAINPP DALAM MEMBANTU GOLONGAN TERJEJAS EKORAN COVID-19

KHAMIS, 26 MAC 2020
3.00 PETANG
FB ZAKAT PULAU PINANG



AMANAH UMMAH DIJAGA, HAK ASNAF DIBELA

FB 'LIVE' SIDANG MEDIA

'TATACARA KHAS PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH 1441H DI WAKTU PENULARAN COVID-19 (KAEDAH KONVENSONAL)'

Tarikh: **21 April 2020 (Selasa)**
Jam: **11.00 Pagi**

AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Digambarkan terus melalui **facebook** www.facebook.com/zakatpenang
Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

spm *Nadi Seri Pagi*
Selamat Pagi Malaysia

24 April 2020 (Jumaat) 8.40 Pagi

SIARAN LANGSUNG BERSAMA
AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

"Zakat Pembina Ukhuwwah, Pengukuh Khaira Ummah"

LIVE Rancangan Assalamualaikum
27 April 2020 (Isnin) 9.10 Pagi

skype bersama

AMRAN BIN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

"Zakat Pembina Ukhuwwah, Pengukuh Khaira Ummah"

AKIM BERSEKUTU BERSAMA

Temubual Panggilan Telefon Bersama CEO di Radio AKIM

WARNA PAGI BERSAMA TN. AMRAN BIN HAZALI
CEO ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP
20 MEI 2020 | RABU | 9.30 PAGI

Zakat Pembina Ukhuwwah, Pengukuh Khaira Ummah

Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang

AMPA BAYAQ

KAMI AGIH JGN GHISAU

5:00 PM
MODERATOR: ABU MAMU



NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(UNTUK PERTANYAAN KUTIPAN ZAKAT)

- | | | |
|---|--|---|
| TEAM KUTIPAN 1
☎ 019 472 5101 | TEAM KUTIPAN 2
☎ 019 592 6640 | TEAM KUTIPAN 3
☎ 017 559 4838 |
| TEAM KUTIPAN 4
☎ 019 599 1681 | TEAM KUTIPAN 5
☎ 011 3110 1364 | TEAM KUTIPAN 6
☎ 019 474 7156 |
| TEAM KUTIPAN 7
☎ 013 455 5598 | TEAM KUTIPAN 8
☎ 013 437 1739 | TEAM KUTIPAN 9
☎ 018 388 2320 |

AMANAH UMMAH DIJAGA, HAK ASNAF DIBELA




NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI
SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(UNTUK PERTANYAAN BANTUAN ZAKAT)

- | | |
|--|---|
| TEAM PEDULI ASNAF 1:
+6018-399 4313 | TEAM PEDULI ASNAF 6:
+6018-403 0597 |
| TEAM PEDULI ASNAF 2:
+6018-989 9974 | TEAM PEDULI ASNAF 7:
+6011-6058 6267 |
| TEAM PEDULI ASNAF 3:
+6018-989 9975 | TEAM PEDULI ASNAF 8:
+6011-6070 4910 |
| TEAM PEDULI ASNAF 4:
+6018-399 4345 | TEAM PEDULI ASNAF 9:
+6011-6056 3237 |
| TEAM PEDULI ASNAF 5:
+6011-1085 3394 | TEAM PEDULI ASNAF 10:
+6011-6050 0469 |

AMANAH UMMAH DIJAGA, HAK ASNAF DIBELA



AKTIVITI BANTUAN KHAS COVID-19 ZPP



Pusat Latihan Zakat ZPP, Jalan Pantai Aceh Balik Pulau dijadikan Stesen Kuarantin Covid-19

AKTIVITI BANTUAN KHAS COVID-19 ZPP



KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1441H

- ZPP menetapkan 2 kadar bayaran zakat fitrah iaitu:
 - I. Kadar Pertama : RM7.00
 - II. Kadar Kedua : RM16.00

JUMLAH KUTIPAN
RM5,547,550.95

JUMLAH PEMBAYAR
756,948 orang

PELAKSANAAN
1 Ramadan – 1 Syawal 1441H



>> EDISI > UTARA > Bayar zakat fitrah lebih tinggi bagi yang mampu: ZPP

MOHD ISKANDAR OTHMAN || 13 April 2020

BUKIT MERTAJAM - Penetapan dua kadar zakat fitrah di Pulau Pinang pada tahun ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang selain telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Amran Hazali berkata, dua kadar zakat fitrah yang ditetapkan bagi memberi peluang kepada umat Islam di negeri ini yang memiliki kelebihan dari segi kemampuan dengan menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah mengikut kadar yang lebih tinggi.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Amran berkata, penetapan kadar harga zakat fitrah ini ditentukan berdasarkan harga beras semasa di dalam negeri Pulau Pinang iaitu bersamaan dengan 2.6 Kilogram (satu Gantang Baghdad) dan kaedah pengiraan adalah mengikut harga beras yang biasanya digunakan oleh kebanyakan pengguna di Pulau Pinang.

Bagaimanapun katanya, bagi yang kemampuan ekonominya terbatas disebabkan situasi Covid-19 ketika ini, mereka boleh membayar zakat fitrah mengikut kemampuan diri dan keluarga.

ZPP kemuka SOP kutipan zakat fitrah

SEBERANG JAYA – Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengemukakan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan kutipan zakat fitrah termasuk insialni kaunter sementara pandu lalu.

Pun begitu, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Amran Hazali memberitahu bahawa kaedah pembayaran zakat fitrah secara konvensional tersebut perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta peraturan-peraturan yang digariskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP).

"Hanya amil fitrah yang benar-benar sihat dibenarkan bertugas pada jarak sosial satu meter (m) dengan muzakki (pemberi zakat).

"ZPP akan membekalkan pelitup muka dan sanitasi tangan kepada (1,755 orang) amil (ejen pemungut zakat) yang ditauliahkan (meliputi) 239 kariah di negeri ini.

"ZPP melalui surat makluman yang telah diedarkan kepada semua amil fitrah di Pulau Pinang telah mencadangkan beberapa tempat yang luas kawasannya dan sesuai,

seperti balai raya, dewan serbaguna, kaunter sementara pandu lalu dan seumpamanya sebagai opsi yang boleh dipertimbangkan oleh pihak masjid kariah," jelasnya dalam sidang media di Ibu Pejabat ZPP, Bandar Perda dekat sini 21 April lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) ZPP, Ustaz Mohd. Kairi Ghazali dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pentadbiran) ZPP, Mohd. Fuad Md. Isa turut sertai sidang media tersebut.

Menurut Amran Hazali, ZPP berharap agar pihak pentadbir masjid kariah menyediakan jadual bertugas amil fitrah secara tersusun tanpa mengabaikan aspek keselamatan serta kesihatan pembayar zakat fitrah dan amil fitrah yang bertugas.

"Suka saya sekali lagi tekankan di sini bahawa dalam tempoh PKP ini, ZPP ingin menasihatkan masyarakat Islam di Pulau Pinang supaya menunaikan zakat fitrah dan zakat harta mereka secara dalam talian atau secara digital kerana (kaedah-kaedah) ini adalah

sebahagian daripada ikhtiar kita untuk menghindarkan diri dan ahli keluarga yang kita sayangi daripada dijangkiti wabak COVID 19," serunya.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa ZPP mula mengedarkan poster yang tertera sembilan SOP yang wajib dipatuhi oleh amil dan muzakki kepada pentadbir-pentadbir masjid kariah.

"Masjid kariah akan membuat bebahan kepada anak kariah yang wajib dipatuhi oleh amil dan muzakki mengenai tempat cadangan untuk menunaikan ibadah zakat fitrah ini," ujarnya.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Amran Hazali memberitahu bahawa jumlah kutipan zakat fitrah bagi tahun lepas (1440 Hijrah) adalah RM5.06 juta.

"Bagaimanapun, pada tahun 1441 Hijrah, sasaran kutipan zakat fitrah sebanyak RM6 juta yang dicadangkan sebelum ini adalah tanpa mengambil kira negara akan diuji dengan penularan wabak COVID-19.

"Kami (ZPP) berharap para



AMRAN Hazali menunjukkan poster terbitan ZPP yang tertera sembilan SOP pemungutan zakat fitrah yang wajib dipatuhi oleh amil dan muzakki pada tempoh PKP pada sidang media di sini baru-baru ini.

muzakki dapat terus memberi kepercayaannya kepada ZPP...kerana kami (ZPP) percaya lebih banyak dana zakat diperlukan pasca PKP nanti.

"(Maka,) bayaran zakat anda amat penting demi kelangsungan hidup golongan asnaf terutama dalam kalangan fakir dan miskin," ulasnya.

**TATACARA KHAS PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH 1441H
DI WAKTU PENULARAN WABAK COVID-19
[KAEDAH KONVENSIONAL]
ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM PULAU PINANG**



**TANGGUNGJAWAB
PEMBAYAR**

1. Pastikan berada dalam keadaan sihat dan tidak mengalami sebarang gejala yang boleh dikaitkan dengan serangga virus Corona.
2. Silitanya berada di dalam keadaan yang tidak sihat atau mengalami gejala yang boleh dikaitkan dengan serangga virus corona seperti demam, batuk atau kesukaran bernafas, sila menantikan kepada virus atau individu yang boleh dipenyaki.
3. Sentiasa memakai **face mask** semasa berurusan dengan Amil Zakat Fitrah.
4. Membayar Zakat Fitrah di lokasi yang telah dimatikan oleh Majlis Kaahil mengikut jadual pembayaran yang diatur dan kepada Amil Zakat Fitrah yang disediakan secara sah oleh MAJLIS.
5. Sentiasa menaja peraturan perjarakan sosial sekarang-kurangnya 1 meter dengan Amil Zakat Fitrah semasa melakukan pembayaran Zakat Fitrah dan pembayar Zakat Fitrah yang lain sekiranya perlu pastikan menungku giliran.
6. Menyediakan wang Zakat Fitrah kepada Amil Zakat Fitrah mengikut kadar nilai yang dipilih mengikut kemampuan dan kembali pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter sebak sekurang wang diawakan.
7. Menunggu Amil Zakat Fitrah melakukan scan dan dua sebelum menerima wang Zakat Fitrah mengikut nilai kadar Zakat Fitrah yang telah kepada pembayar.
8. Tidak bersalaman dengan Amil Zakat Fitrah yang bertugas.
9. Segera beredar setelah selesai urusan pembayaran Zakat Fitrah.

**TANGGUNGJAWAB
AMIL ZAKAT FITRAH**

1. Pastikan berada dalam keadaan sihat dan tidak mengalami sebarang gejala yang boleh dikaitkan dengan serangga virus Corona.
2. Amil Zakat Fitrah **TIDAK DIBENARKAN** menerima Zakat Fitrah sekiranya berada di dalam keadaan yang tidak sihat atau mengalami gejala yang boleh dikaitkan dengan serangga virus corona seperti demam, batuk dan kesukaran bernafas.
3. Sentiasa memakai **face mask** semasa berurusan dengan pembayar Zakat Fitrah.
4. Elak mencedo tangan menggunakan **Amil Sambar** berkesan alkohol sila memabak tangan dengan sabun dan air bagi mencapai jangkaan COVID-19.
5. Memastikan lokasi pembayaran Zakat Fitrah sesuai dan mematuhi peraturan perjarakan sosial sekarang-kurangnya 1 meter; jarak dengan pembayar Zakat Fitrah dan di antara pembayar yang mungkin datang membayar Zakat Fitrah dalam waktu yang sama.
6. Menerima wang Zakat Fitrah daripada pembayar Zakat Fitrah mengikut kadar nilai yang dipilih dan memastikan pembayaran Zakat Fitrah kembali pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter setelah urusan wang dilakukan.
7. Melakukan scan dua dua sebelum menyerahkan wang Zakat Fitrah mengikut nilai kadar Zakat Fitrah yang telah kepada pembayar Zakat Fitrah.
8. Tidak bersalaman dengan pembayar Zakat Fitrah.
9. Memastikan pembayar Zakat Fitrah segera beredar setelah selesai urusan penerimaan pembayaran Zakat Fitrah.

Nota: Tatacara di atas telah disemak dan dibenarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

MAKLUMAT PENTING

*Zakat Pulau Pinang menyedari dalam situasi semasa hari ini, amalan perjarakan sosial perlu dititikberatkan kerana ia amat penting bagi memulakan rangkaian jangkitan Covid-19. Oleh itu, pada tahun ini, pembayaran Zakat Fitrah secara digital adalah **AMAT DIGALAKAN** sebagai iktibar kita melawan penularan virus Corona. Maklumat lanjut mengenai perkara ini akan dipaparkan di platform-platform media sosial Zakat Pulau Pinang.*

SELAMAT MENUNAIKAN ZAKAT DI BULAN RAMADAN AL-MUBARAK

"Semoga Allah membalas (beri balasan yang baik) atas apa yang diberikan dan membebankan harta yang ditanggalkan dan menjadikannya harta yang bersih."

www.zakatpenang.com

**KENYATAAN UMUM
TARIKH TUTUP PEMBAYARAN
ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1441H**

Zakat Pulau Pinang (ZPP) Ingin merujuk Pekeliling Pelaksanaan Aktiviti Masjid Dan Surau Negeri Pulau Pinang Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di bawah perkara Penangguhan Solat Sunat Tarawih Dan Solat Sunat Hari Raya Aidil Fitri Dan Lain-Lain Aktiviti Berkaitan bertarikh 18hb Mei 2020 bersamaan 25 Ramadan 1441H yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).

Setelah mengambil pertimbangan kepentingan menjaga soal kesihatan dan keselamatan umat Islam di negeri Pulau Pinang serta isu-isu yang melibatkan soal urusan pentadbiran Zakat Fitrah tahun ini, maka adalah dinasihatkan dan digalakkan kepada semua umat Islam termasuk warga asing Muslim di Pulau Pinang yang tetap berhasrat menunaikan Zakat Fitrah secara konvensional supaya dapat melaksanakan tanggungjawab anda sebelum selesai waktu urusan pembayaran Zakat Fitrah di masjid-masjid kariah pada **hari terakhir bulan Ramadan 1441H**.

Ini adalah kerana semua kaunter-kaunter kutipan Zakat Fitrah melalui Amil-Amil Fitrah di perkarangan masjid-masjid kariah tidak dibenarkan beroperasi bagi mematuhi pekelliling di atas. Walau bagaimanapun, bayaran Zakat Fitrah secara digital atau dalam talian (online) masih boleh dilakukan sehingga detik **11:59 tengah malam 23hb Mei 2020**.

Kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dalam hal ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Semoga Allah swt merahmati kita semua dengan kasih sayangNya di bulan yang penuh keberkatan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Pulau Pinang,
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
21hb Mei 2020 / 28 Ramadan 1441H
Zakat Pembina Ukhuwah, Pengukuh Khaira Ummah



**5 KAEDAH PEMBAYARAN
ZAKAT FITRAH ONLINE**

zakatpenang

"Zakat Pembina Ukhuwah, Pengukuh Khaira Ummah"

1. **Maybank** Perbankan Internet Maybankku
2. **i-Muamalat Mobile** Bank Muamalat
3. **FPX Portal** www.zakatpenang.com
4. **SnapNPay**
5. **JomPAY** Perkhidmatan JomPAY

Bayaran Zakat Fitrah bermula 1 Ramadan - hari terakhir Ramadan
Pembayaran awal digalakkan & ELAK TUNGGU SAAT AKHIR
Kadar Zakat Fitrah 1441H / 2020M **RM7 RM16**

Zakat Pulau Pinang
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang


Dengan kerjasama



**Langkah mudah
dan selamat untuk
pembayaran Zakat**



Muat Turun Sekarang



**MUDAHNYA MEMBAYAR
ZAKAT FITRAH
MENGUNAKAN
Maybank QRPAY**

IMBAS CODE UNTUK BAYAR ZAKAT

1. Lancarkan Aplikasi Maybank dan pilih QRPay
2. Imbas QR Code
3. Masukkan jumlah zakat mengikut kadar dan bilangan

zakatpenang



SEKALUNG PENGHARGAAN

*Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Media Cetak Dan Elektronik
Pembayar Zakat*



Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela